



**UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA**  
AGRICULTURE • INNOVATION • LIFE

# KOMUNIKASI DAN ADAB DALAM PdP

ABDUL MUA'TI @ ZAMRI BIN AHMAD, PH.D.  
PUSAT PEMAJUAN KOMPETENSI BAHASA  
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

# Komunikasi

- Kesyinambungan fungsi kenabian
- Hablun minannaas
- Perkongsian
- Pengajaran



# Kenapa mengajar / mendidik?

- Untuk meneruskan kecemerlangan anak didik



# Menuntut kecemerlangan

## KEWAJIBAN AMAR MA'RUF DAN NAHI MUNKAR BAGI UMAT ISLAM

كُنْتُمْ خَيْرَ أُمَّةٍ أُخْرِجَتْ لِلنَّاسِ تَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ  
وَتَنْهَوْنَ عَنِ الْمُنْكَرِ وَتُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ ﴿١١٠﴾ سُورَةُ آلِ عِمْرَانَ

“Kalian wahai umat Muhammad, adalah umat terbaik yang dikeluarkan bagi manusia, selama kalian memegang prinsip amar ma'ruf, nahi munkar dan beriman kepada Allah.”

# Komunikasi Islam:

- Amar ma'ruf nahil mungkar.
- Menyeru kepada kebaikan.
- Mencegah kemungkaran.



**Dalam mengajar sudah pasti wajib berkomunikasi**


**Komunikasi berkesan menjadikan pengajaran berkesan**

**Komunikasi berkesan meliputi amalan adab yang unggul**



# PRINSIP KOMUNIKASI







# 1. Rancang idea sebelum berkomunikasi

"Serulah ke jalan Tuhanmu (wahai Muhammad) dengan hikmah kebijaksanaan dan pengajaran yang baik....." (An-Nahl:125)



## 2. Analisis penerima

Sabda Rasulullah s.a.w. riwayat Muslim bermaksud

“Berbicaralah kepada manusia menurut kadar akal (kecerdasan) mereka masing-masing”.



### 3. Isi bicara hendaklah benar

Firman Allah Taala (Al-Ahzab:70) bermaksud “Hai orang-orang yang beriman, bertaqwalah kamu kepada Allah dan katakanlah perkataan yang benar”.

Sabda Rasulullah s.a.w. bermaksud “iman seseorang itu tidak lurus kecuali hatinya lurus dan hatinya tidak lurus kecuali lidahnya lurus”.



## 4. Gaya bahasa hendaklah bersesuaian dan baik

“dan katakanlah kepada hamba-hamba Ku, hendaklah mereka mengucapkan perkataan yang baik.....” (Al-Isra:53)

“...dan ucapkanlah kata-kata yang baik kepada manusia.” (Al-Baqarah:83)

Sabda Rasulullah s.a.w. bermaksud “Barang siapa yang beriman kepada Allah dan Hari Kiamat hendaklah beliau mengatakan yang baik atau diam sahaja”.



## 5. Nada percakapan terkawal dan sesuai

“Pergilah kamu berdua kepada Firaun, sesungguhnya ia telah melampaui batas dalam kekufuran. Kemudian hendaklah kamu berkata kepadanya dengan kata yang lemah-lembut semoga ia beringat atau takut”. (Ta-Ha:43-44)

“...dan lunakkanlah suara engkau. Sesungguhnya seburuk-buruk suara ialah suara himar (keldai)”. (Luqman:19)



## 6. Susunan maklumat jelas dan berstruktur

“Dan diwajibkan kepada Rasul hanyalah menyampaikan dengan terang dan nyata.”

(An-Nur:54)

Dhirran bin Dhamrah Alkinany pernah memberitahu Muawiyah tentang keperibadian Saidina Ali r.a. .  
Katanya “ Ketahuilah bahawa Ali r.a. itu ialah orang yang berpandangan jauh, orang yang kuat, apabila berkata kata-katanya jelas dan bila menghukum beliau berlaku adil, ...”



# 7. Bahasa badan menyokong lisan

Muslim dan Ibnu Majah pernah meriwayatkan: “Apabila Rasulullah s.a.w. berkhutbah, kedua matanya merah, suaranya lantang (nyaring) dan semangatnya bangkit, bagai seorang panglima perang yang memperingatkan tentang kedatangan musuh yang ingin memerangi umat Islam di ketika pagi atau petangnya”.



## 8. Berhujah dengan waras

“...dan berbahaslah dengan mereka dengan cara yang lebih baik...” (An-Nahl :125 )

Rasulullah s.a.w. bersabda bermaksud:

“tinggalkan perbantahan kerana perbantahan tidak akan mendatangkan hikmah dan tidak mengamankan daripada fitnah.” (Riwayat At-Tabrani).





## 9. Ambil kira pendapat orang lain

“...dan juga bermesyuaratlah dengan mereka dalam urusan (peperangan dan soal-soal keduniaan) itu....” (Ali-Imran : 159)

“...dan urusan mereka dijalankan secara bermesyuarat sesama mereka...” (Shura:36).



# 10. Perbuat apa yang dicakapkan

“Wahai orang-orang yang beriman, mengapa kamu memperkatakan apa yang tidak kamu perbuat. Amat besar kebencian di sisi Allah bahawa kamu mengatakan apa-apa yang tidak kamu kerjakan.” (As-Saff: 2-3).



# 11. Meninggalkan celaan dan mengumpat

“Celakalah (azablah) untuk tiap-tiap orang pengumpat dan pencela”. (Al-Humazah:1)

Sabda Rasulullah s.a.w. pula bermaksud ...“Orang Mukmin itu bukanlah jenis orang yang suka mengutuk.” (Riwayat At-Tarmizi).

“Janganlah kamu mengumpat orang-orang Islam dan janganlah meneliti cela-cela mereka.” (Riwayat Abu Daud).



## 12. Menjauhi tanggapan buruk (prasangka)

“Hai orang-orang yang beriman, jauhilah kebanyakan dari prasangka buruk.

Sesungguhnya sebahagian dari prasangka buruk itu adalah dosa dan janganlah kamu mencari kesalahan orang lain dan janganlah kamu mengumpat sebahagian yang lain....”

(Al-Hujurat: 12)

# 13. Jadilah pendengar yang baik

“Sesungguhnya yang memperkenankan (seruan engkau) hanya orang-orang yang sebenarnya mendengar. Tetapi orang yang mati (pelita hatinya) nanti Allah akan membangkitkan mereka, kemudian mereka dikembalikan kepadaNya”. (Al-Anaam:36)



# Pendidik cemerlang

5 ciri:

1. Mudarris
2. Kualim
3. Murabbi
4. Muaddib
5. Murshid



# Mudarris

- Mudaris berasal dari perkataan arab yang bermaksud mengajar ataupun pengajaran.
- Pensyarah hendaklah bertanggungjawab menyampaikan ilmu yang ada padanya kepada pelajarnya yang boeh membina pemikiran, rohani, jasmani, emosi dan sosial.
- Apa yang diketahuinya hendaklah disampaikan kerana kerja pengajaran adalah sebahagian daripada amal soleh.
- Manakala enggan menyampaikannya adalah merupakan satu kesalahan.



# Mualim

- Mualim boleh didefinisikan sebagai mengajar atau menyampaikan ilmu kepada orang lain dan mengamalkan apa yang disampaikan di samping berusaha menambah ilmu pengetahuan.
- Mualim mempunyai rasa belas kasihan kepada pelajar dan menganggap mereka seperti anak sendiri.
- Mualim mengajar kerana Allah s.w.t. dan bukannya kerana ganjaran, dan tidak meminta bayaran keterlaluan daripada pelajar.





# Murabbi

- Murabbi bermaksud memperbaiki, memimpin dan mentadbir.
- Pensyarah sentiasa menasihati dan membimbing dalam pembentukan sahsiah pelajar.
- Pensyarah juga adalah penyebar nilai budaya yang baik dan menjadi contoh kepada pelajar.



# Muaddib

- Muaddib bermaksud mendidik ke arah memperelokkan lagi akhlak pelajar.
- Pensyarah yang muaddib merupakan individu yang bertanggungjawab dan melaksanakan pendidikan peradaban dalam pengertian yang luas dan mendalam terhadap peribadi dan kehidupan pelajar.
- Muaddib seorang yang memberi ilmu dan mendidik mereka dalam akhlak dan adab yang baik.
- Muaddib juga mendidik pelajar agar tidak merendahkan ilmu pelajaran lain selain dari yang diajar olehnya.
- Muaddib mendidik pelajar melalui akhlak yang baik, bukan hanya penyampaian secara teori sahaja.



# Mursyid

- Mursyid bermaksud sebagai penuntun jalan hidup yang benar dan betul dengan nilai dan sikap yang benar dan berperanan sebagai hamba Allah s.w.t. dan khalifahNya di muka bumi.
- Mursyid menunjukkan kepada jalan yang benar dan memberikan petunjuk kepada jalan yang lurus.
- Mursyid mempunyai tingkah laku baik dan terpuji, bersih dari sikap tercela, tidak taksub atau fanatik, zuhud pada amalan dan perbuatan dan mempunyai tokoh kepemimpinan.
- Mursyid mestilah luas pembacaannya, menyimpan atau menutup keaiban pelajarannya dan pengajarannya terkesan di dalam hati pelajar.



# Adab

**Bermaksud perilaku dan perbuatan kebaikan, kesantunan, moral, sopan santun, kesusilaan, serta kemanusiaan.**

**Tafsiran, skop dan perincian adab mungkin berbeza dalam kebudayaan yang berlainan.**



# Ciri-ciri pensyarah beradab:

1. Tsabatat ahliyatuh (Cekap dan Profesional)
2. Tahaqqaqat syafaqatuh (Menunjukkan kasih sayangnya)
3. Zhaharat muru'atuh (Berwibawa)
4. 'Urifat iffatuh (Menjauhi hal yang merendahkan martabatnya)
5. Isytaharat syina'atuh (Bertanggung jawab)
6. Ahsan ta'lim (Pandai mengajar)
7. Ajwad tafhim (Baik pemahamannya)

KH. Hashim Asy'ari (Pendidikan  
Akhlak utk Pengajar dan Pelajar)



---

# Pendidikan Akhlak untuk Pengajar dan Pelajar

---

Terjemah Kitab  
*Adabul 'Alim wal Muta'allim*



*Hadratussayyidh KH. M. Husyain Asy'ari*

# Adab pensyarah

## 1. Ikhlas

- a. bersedia secukupnya
- b. tepati waktu
- c. patuhi peraturan
- d. professional



## 2. Jadikan diri sebagai contoh teladan

- a. *Transfer of values* mudah tercapai apabila prinsip keteladanan ini dihayati.
- b. Dalam Islam disebut *uswatun hasanah* iaitu contoh yang baik.

لَقَدْ كَانَ لَكُمْ فِي رَسُولِ اللَّهِ أُسْوَةٌ حَسَنَةٌ

“Sesungguhnya pada diri Rasulullah ada contoh (teladan) yang baik bagimu” (Al-Ahzab: 21).

Dari sudut komunikasi, Allah menjelaskan dalam As-Shaf : 2-3, :

“Hai orang-orang yang beriman, mengapa kamu mengatakan apa yang kamu tidak perbuat ? Amat besar kebencian di sisi Allah bahwa kamu mengatakan apa-apa yang tidak kamu kerjakan”.





### 3. Sentiasa bersemangat mengembangkan ilmu.

Sebagai pensyarah yang profesional, ilmu pengetahuan dan ketrampilannya itu harus selalu ditambah dan dikembangkan seiring dengan perkembangan ilmu pengetahuan yang pesat dengan melakukan penyelidikan, menelaah buku dan sumber baharu agar ilmu yang diajarkan akan tetap *up to date*, dan relevan dengan keperluan semasa masyarakat.



#### 4. Mempamerkan keunggulan peribadi.

Dari kebersihan diri, pakaian, rapinya penampilan sampai bersihnya hati. Kesemuanya diniatkan untuk taqarrub, menyebarkan ilmu dan menghidupkan agama.



## 5. Mempamerkan sikap professional.

Meliputi kemampuan membuka dan menutup pelajaran, menyusun bahan pengajaran, mengurus kelas dan kemampuan menjelaskan pelajaran.

Kemampuan membuka diawali dengan pemberian salam kepada pelajar.

Kemampuan meyusun termasuklah pemilihan bahan pelajaran yang sesuai dengan tingkat kemampuan pelajar.

Kemampuan mengurus termasuklah mengelola kelas menjadi kondusif dan menyenangkan sehingga tidak menimbulkan kebosanan atau mengganggu pemahaman pelajar.

Kemampuan menjelaskan meliputi kemampuan menggunakan bahasa yang tepat dan sesuai, memilih kaedah yang sesuai dan memberi penekanan, dan membuat kesimpulan kuliah yang jelas.



# Amalan adab pensyarah

1. Menentukan jadual mengajar, jika sudah ditentukan dan pensyarah tersebut sudah menyetujuinya, maka tidak layak baginya terlambat, tidak menghadiri dan mengingkari janjinya kecuali dengan alasan yang dibenarkan seperti sakit dan lain-lain gendala yang lebih mustahak.



2. Seorang pensyarah harus menghormati pelajarannya dan menjaga kehormatan dirinya.
3. Mengkritik dengan berhemah.
4. Membuat kesimpulan pada akhir pembelajaran.
5. Menyediakan waktu rehat semasa pembelajaran terutama jika kebuntuan.
6. Mengajar pelajar tentang adab belajar.




# Adab pelajar

1. Menyapa guru dengan cara yang betul
2. Datang sebelum sesi pembelajaran bermula
3. Jangan bersembang semasa sesi pembelajaran
4. Jangan menyampuk pensyarah
5. Minta izin sebelum bertanya
6. Minta izin sebelum beri pendapat
7. Maklumkan kepada guru jika perlu keluar



# Adab mengkritik



# Adab mengkritik

## ADAB MENGKRITIK

Imam Syafi'i rahimahullâhu berkata :

انتقد القول و لكن احترم قائله  
فمهما كنا في الحياة أن نقصي على الأمراض لا على  
المرضى

Kritiklah pendapatnya namun tetap hormati  
orangnya

Tanggung jawab kita dalam hidup ini adalah  
menyingkirkan penyakitnya, bukan orangnya...

@abnyasalma



**Sekian,**

**Terima kasih daun keladi,**

**Di lain waktu bertemu lagi...**

